



Baca @Ramadan

Baca @Ramadan

Allah SWT telah memberikan kelebihan yang banyak kepada bulan Ramadan berbanding dengan bulan-bulan yang lain. Bulan mulia yang penuh keberkatan dan banyak manfaat bagaikan butiran permata yang sangat berharga kerana semua perbuatan kita (yang dilakukan dengan ikhlas kerana Allah SWT) seiringan dengan amalan berpuasa akan menjadi ibadah berpahala yang balasannya berlipat kali ganda dari Allah SWT.

Sebagai bulan meningkatkan ibadah dan bulan memperolehi ganjaran berlipat kali ganda, banyak amal baik yang boleh kita cuba lakukan dan berazam untuk meneruskannya dengan istiqamah agar ia dapat mengubah diri daripada tidak baik kepada baik, daripada baik kepada lebih baik.



Baca @Ramadan

Rasulullah SAW bersabda (mafhumnya) “Telah datang kepadamu bulan Ramadan, bulan keberkatan, Allah SWT mengunjungimu pada bulan ini dengan menurunkan rahmat, menghapus dosa-dosa dan mengabulkan doa. Allah SWT melihat berlumbalumbanya kamu pada bulan ini dan membanggakanmu kepada para malaikat-Nya, maka tunjukkanlah kepada Allah SWT hal-hal yang baik dari dirimu, kerana orang yang sengsara ialah yang tidak mendapatkan rahmat Allah SWT di bulan ini.” (Hadis Riwayat At-Tabrani)



Baca @Ramadan

Rebutlah peluang mengejar keberkatan di bulan Ramadan untuk sentiasa berdoa kepada Allah SWT agar memberi kekuatan dan semangat yang tinggi bagi memulakan langkah baharu beramal soleh dengan ikhlas serta bersungguh-sungguh agar Allah SWT menghapuskan segala dosa. Sebagai manusia yang mempunyai pelbagai sejarah dan pengalaman dalam kehidupan yang lampau, tidak mustahil setiap hari-hari yang dilalui sebelum ini terkait dengan dosa-dosa yang sengaja atau tidak sengaja dilakukan.

Rasulullah SAW bersabda (mafhumnya) "Barang siapa berpuasa di bulan Ramadan kerana iman dan mengharap pahala daripada Allah SWT, nescaya diampuni dosa-dosanya telah lalu." (Muttafaqun alaih). Rasulullah SAW juga bersabda (mafhumnya) "Sesiapa yang berdiri (beribadat) pada malam Ramadan kerana iman dan mengharap ganjaran (daripada Allah), diampunkan dosa-dosanya yang telah lepas." (Hadis Riwayat Muslim)

Baca @Ramadan

Berdoalah kepada Allah SWT akan perkara yang baik ketika berpuasa di bulan Ramadan. Ia akan mengingatkan diri supaya tidak berbuat dosa dalam bentuk apa pun, baik kecil ataupun besar sepanjang 1 bulan penuh dalam melatih diri beramal soleh ketika menahan diri daripada lapar dan dahaga serta menahan diri daripada melakukan perkara yang melalaikan menjurus kepada kemaksiatan.

Allah SWT berfirman mengenai perbuatan baik dapat menghapus dosa di dalam Al-Quran surah Al-Hud ayat 114 yang bermaksud “Dan laksanakanlah solat pada kedua hujung siang (pagi dan petang) dan pada bahagian permulaan malam. Perbuatan-perbuatan baik itu menghapus kesalahan-kesalahan. Itulah peringatan bagi orang-orang yang selalu mengingat (Allah).”



Baca @Ramadan

Berpuasa diiringi dengan solat akan memberkati kehidupan seharian di bulan Ramadan. Berpuasa dan bersolat tanpa merasa beban bukan sekadar untuk melaksanakan kewajipan, tetapi melakukannya dengan penuh keimanan dan ketakwaan kepada Allah. Tidak menunaikan solat ketika berpuasa adalah satu perkara yang sia-sia dan tiada ganjaran di sisi Allah SWT bahkan menutup pintu keberkatan dalam bulan Ramadan.

Ulama Islam mengatakan bahawa amalan soleh boleh menghapuskan dosa-dosa kecil. Adapun dosa besar, yang boleh menghapuskannya adalah amalan soleh berserta taubat. Solat sunat taubat dilakukan dengan perasaan tulus dan berjanji untuk tidak akan mengulangi dosa tersebut sebagaimana firman Allah SWT di dalam Al-Quran surah Al-Imran ayat 135 yang bermaksud “Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah, dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salahnya dan akibatnya).”

Baca @Ramadan

Selain solat, amalan berzikir juga adalah amalan penghapus dosa yang perlu diamalkan untuk mendapatkan keberkatan sepanjang bulan Ramadan. Rasulullah SAW bersabda (mafhumnya) "Barang siapa yang berzikir **سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ** (Maha Suci Allah dan dengan segala pujian bagi-Nya) sebanyak 100 kali maka akan dihapus dosa-dosanya sekalipun sebanyak buih lautan." (Hadis Riwayat Bukhari)



Ini bermakna, berkatnya bulan Ramadan dapat mensucikan kita daripada perbuatan dosa yang telah kita lakukan. Rasulullah SAW bersabda (mafhumnya) "Dari Ramadan kepada Ramadan (sekiranya bagus Ramadannya), mampu menjadi penghapus dosa di antara dua Ramadan tersebut."

Baca @Ramadan

Jadikan Ramadan kita terisi dengan perkara-perkara yang diredai oleh Allah SWT. Berpuasa pada waktu siang dengan penuh kesungguhan. Menunaikan solat terawih dan ibadah malam serta perbanyakkan membaca al-Quran dan berzikir kerana dosa-dosa kecil boleh terhapus dengan amalan soleh yang kita lakukan. Walaupun dosa kecil boleh dihapuskan ketika bulan Ramadan, penghapusan dosa besar akan tetap bergantung kepada rahmat Allah SWT. Penghapusan dosa kecil selama bulan Ramadan ini sememangnya akan meningkatkan ketakwaan dan keimanan kepada Allah SWT.

Rasulullah SAW bersabda (mafhumnya) “Telah datang kepada kalian bulan yang penuh berkat, diwajibkan kepada kalian ibadah puasa, dibukakan pintu-pintu syurga dan ditutuplah pintu-pintu neraka serta syaitan-syaitan dibelenggu. Di dalamnya terdapat malam yang lebih baik dari seribu bulan. Barangsiapa yang tidak mendapatkan kebaikannya bererti dia telah benar-benar terhalang/terjauhkan (dari kebaikan)” (Hadis Riwayat Ahmad).

Ini menunjukkan bahawa bulan Ramadan adalah bulan yang penuh berkat. Terbukti dengan melimpahnya pahala yang disediakan Allah SWT pada bulan Ramadan yang tentunya menjadi keberkatan

Baca @Ramadan

yang paling besar bahkan terlalu banyak pahala yang ditawarkan ketika melaksanakan amalan baik pada bulan mulia ini.

Keberkatan berlaku ke atas sesuatu yang banyak, maka ia akan menyebabkan yang banyak itu mampu dimanfaatkan dan dinikmati, akhirnya, dimanfaatkan sepenuh ke jalan dan keredaan Allah SWT.



Ustazah Maryam Md Zin
Pegawai Hal Ehwal Islam